

17/04/2001

Mahasiswa perlu bersyukur dengan kemudahan UIAM

KUALA LUMPUR, Isnin - Mahasiswa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berpendapat tiada sebab mengapa mereka perlu menafikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merasmikan kampus itu di Gombak dekat sini, esok.

Tinjauan Berita Harian mendapati, sebilangan besar mahasiswa UIAM tidak bersetuju tindakan segelintir daripada mereka yang dipercayai hendak mengadakan demonstrasi menghalang Perdana Menteri menyempurnakan majlis perasmian berkenaan.

Mahasiswa jurusan komunikasi, Afrizal Ramlan, 23, berkata sebagai pelajar Islam yang boleh berfikir secara matang, perkara itu perlu diterima secara positif.

"Sebagai mahasiswa yang sudah banyak mendapat kemudahan yang disediakan UIAM, sepatutnya kita mensyukuri dengan apa yang diperolehi.

"Kita perlu berfikiran terbuka dan menerima siapa saja yang hadir sebagai tetamu untuk merasmikan kampus ini," katanya sambil menyifatkan pelajar yang melakukan bantahan itu sebagai tindakan 'bodoh'.

Sebelum ini, polis menasihatkan orang ramai, terutama pelajar UIAM tidak menyertai mana-mana perhimpunan yang dirancang ketika majlis perasmian universiti itu, esok.

Amaran itu dibuat berikutan ada pihak tertentu mengedarkan risalah meminta orang ramai menyertai perhimpunan membantah perasmian UIAM sejak minggu lalu.

Risalah itu antara lain meminta orang ramai berhimpun di depan pagar UIAM bagi memastikan Perdana Menteri tidak dapat merasmikan universiti berkenaan.

Ketua Polis Selangor, Datuk Nik Ismail Nik Yusoff, berkata pihaknya sudah mengambil langkah tambahan bagi memastikan upacara perasmian UIAM oleh Perdana Menteri berjalan lancar selain mengambil langkah perlu bagi memastikan tiada sebarang gangguan ketika majlis berkenaan.

(END)